

Projek basmi kemiskinan tegar perlu kesungguhan

um - 13/4/2006

Ikut jadual, kita dapat capai matlamat hapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh HILMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 12 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu projek-projek membasmi kemiskinan tegar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dibuat secara bersungguh-sungguh sehingga memberi kesan yang besar kepada golongan sasaran.

Sehubungan itu kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah diminta memberi perhatian dan tumpuan sewajarnya agar usaha-usaha bagi mengurangkan kemiskinan dapat dicapai mengikut jadual.

"Ikut jadual, kita dapat capai matlamat hapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010. Jadi usaha ke arah itu perlu dijalankan secara bersungguh-sungguh dan projek-projek yang dijalankan mestilah mempunyai dan memberi kesan yang tinggi," katanya kepada para pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di sini hari ini.

Turut hadir Timbalannya Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Abdullah berkata, kementerian ini akan menjadi penyelarasa bagi projek-projek pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh agensi-agensi lain.

Namun sekiranya ia mempunyai hubung kait dengan bidang lain seperti

pertanian dan pendidikan maka Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Pelajaran akan bertindak sebagai penyelarasa, kata Abdullah.


"Contohnya jika Kemas menjalankan program atau projek yang ada kena mengena dengan pendidikan maka Kementerian Pelajaran akan jadi penyelarasa tetapi semuanya akan dinilai oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri," katanya.

Sementara itu menurut Perdana Menteri, pemantauan yang akan dijalankan ke atas projek dan program yang dilaksanakan bukan sekadar tertumpu kepada lambat atau cepat sesuatu projek berjalan atau jumlah wang yang telah dibelanjakan.

Sebaliknya beliau menjelaskan apa yang lebih penting ialah bagaimana wang itu dibelanjakan atau adakah ia mencapai matlamat kos efektif.

"Saya ingin tegaskan, walaupun 50 peratus wang dibelanjakan untuk satu-satu projek, itu belum mencukupi bagi saya. Kita hendak tengok bagaimana wang itu digunakan dan adakah ia mencapai matlamat, berkesan dan golongan sasaran memperoleh habuan nikmat hasil pelaksanaan satu-satu projek itu.

"Kita tidak mahu kalau satu-satu projek itu bernilai RM100,000, RM60,000 adalah untuk kos pentadbiran manakala RM40,000 lagi pergi kepada projek, itu yang tidak baiknya," kata beliau.



BINCANG... Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima kunjungan Menteri Pertahanan China, Jeneral Cao Gangchuan di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Kunjungan hormat ke atas Abdullah itu adalah sempena lawatan Gangchuan yang mengetuai delegasi 20 orang ke negara ini selama tiga hari mulai Isnin lalu.

Kunjungan yang berlangsung dalam suasana mesra itu disifatkan sebagai

bukti hubungan dan kerjasama yang kukuh antara Malaysia dan China.

Kelmarin, Gangchuan mengunjungi Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

● **ABDULLAH** Ahmad Badawi berbincang dengan Jeneral Cao Gangchuan di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Gambar Bernama